



MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAH SHAH
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.
Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254



Rujukan kami: JAIS/KIM/IMARAH/700-2/6/1(17)
Tarikh: 9 Januari 2026M/ 19 Rejab 1447H

Semua Pengerusi Lembaga Amanah Khairat/ Kebajikan Semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau Di Seluruh Sarawak

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PENGIMARAHAN BIL. 1/ 2026: PENAMATAN BACAAN QUNUT NAZILAH UNTUK KESELAMATAN RAKYAT NEGARA PALESTIN

Majlis Islam Sarawak sebelum ini telah mengeluarkan ketetapan berhubung pelaksanaan bacaan Qunut Nazilah bagi memohon keselamatan rakyat Palestin dalam semua solat fardu termasuk Solat Jumaat sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Pengimarah Majlis Islam Sarawak bernombor rujukan JAIS/KIM/IMARAH/700-2/6/1(12) bertarikh 11 April 2025M bersamaan 12 Syawal 1446H.

2. Selaras dengan ketetapan terbaharu, Majlis Islam Sarawak **memutuskan agar pelaksanaan bacaan Qunut Nazilah tersebut ditamatkan** dalam semua solat fardu termasuk Solat Jumaat **berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan**. Walau bagaimanapun, umat Islam amat digalakkan untuk terus mendoakan kesejahteraan dan keselamatan rakyat Palestin melalui doa selepas setiap solat fardu dan amalan doa masing-masing.

3. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datu/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam mematuhi dan melaksanakan ketetapan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD

Setiausaha

Majlis Islam Sarawak

- Salinan Kepada:
1. Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak
 2. Setiausaha Sulit Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam)
 3. Semua Pegawai Agama Islam Bahagian